



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MyCHAMPION:
AGEN PERUBAHAN
MEMPERKASA KESIHATAN DALAM KALANGAN KOMUNITI**

Kuala Lumpur, 26 Oktober 2025 - Majlis Anugerah MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan 2025 berlangsung pada hari ini dan disempurnakan oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan. Majlis ini adalah **platform** bagi memberikan **penghargaan kepada sukarelawan-sukarelawan MyCHAMPION** di atas **sumbangan** mereka **sebagai ‘agen perubahan’** yang membantu **memperkasa kesihatan** rakyat Malaysia.

MyCHAMPION merupakan **inisiatif** di bawah **Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)** yang dirangka oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi melahirkan **sukarelawan terlatih** sebagai **ejen perubahan tingkah laku kesihatan dalam komuniti**. Mereka berperanan **mendidik masyarakat** mengenai **gaya hidup sihat** serta menghubungkan mereka dengan perkhidmatan kesihatan melalui **Wellness Hub** dan **Wellness on Wheels (WoW)**.

Statistik kesihatan semasa menunjukkan **cabaran besar**, termasuk **kadar obesiti melebihi 54%**, dan **hanya 24.5%** rakyat mempunyai tahap **literasi kesihatan cemerlang**. Justeru, MyCHAMPION dilihat sebagai **penggerak penting** dalam membantu masyarakat memahami dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Pada tahun ini, kerajaan turut menzahirkan komitmen berterusan dengan menyediakan **insentif** seperti **perlindungan insurans, elaun khas ketika krisis kesihatan serta geran RM5 juta** bagi menyokong aktiviti promosi kesihatan oleh sukarelawan MyCHAMPION.

Dengan **semangat “Sihat Itu Saya, Sihat Itu Kita, Sihat Itu Malaysia”**, KKM menyeru lebih ramai rakyat untuk menyertai MyCHAMPION dan menjadikan **kesihatan sebagai tanggungjawab bersama** demi mencapai masyarakat yang lebih sihat dan berdaya tahan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Dalam majlis sama **8 kategori anugerah MyCHAMPION** disampaikan iaitu:

1. Anugerah Junior Harapan MyCHAMPION;
2. Anugerah Pempengaruh Media Sosial MyCHAMPION;
3. Anugerah Intervensi Pengurusan Berat Badan;
4. Anugerah Penggerak Komuniti Sihat;
5. Anugerah Inovasi MyCHAMPION;
6. Anugerah Ikon Pasukan MyCHAMPION;
7. Anugerah Pengurusan Lokaliti Bersih dan Ceria; dan
8. Anugerah **Tokoh MyCHAMPION**.

Kategori **Tokoh MyCHAMPION** adalah **anugerah khas juri** untuk mengiktiraf sukarelawan MyCHAMPION yang **berjasa, bersemangat tinggi dan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat**. Ketokohan serta sumbangan penerima anugerah ini wajar dijadikan teladan agar komuniti sekitar juga teraspirasi untuk berusaha menjadi insan yang berjaya dan menyumbang kepada negara.

KKM berharap penganugerahan ini akan menjadi batu loncatan kepada semua sukarelawan MyCHAMPION untuk terus membantu masyarakat sekeliling dalam pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

